



Hebahan Media
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU/KANAN SECARA FIZIKAL KE UTHM
BAGI KEMASUKAN OKTOBER 2020

Berikutan peningkatan kes COVID-19 di seluruh negara, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mengeluarkan kenyataan bertarikh 2 Oktober 2020 yang mencadangkan penangguhan pendaftaran secara fizikal/bersemuka kesemua pelajar institut pengajian tinggi untuk kemasukan Oktober 2020 ini.

1. Demi keselamatan semua pihak, SEMUA pelajar baharu/kanan UTHM diminta untuk menangguhkan pendaftaran/kepulangan secara fizikal ke kampus.
2. Bagi pelajar baharu, pendaftaran pelajar akan diaktifkan secara automatik bermula 4 hingga 7 Oktober tertakluk pada surat tawaran pelajar. Pelajar akan mengikuti Minggu Transformasi Mahasiswa (MTM) secara dalam talian. Maklumat berkaitan MTM akan disalurkan menerusi Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) fakulti masing-masing.
3. Bagi proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) semua pelajar bagi Semester 1 Sesi 2020/2021, sesi PdP akan dijalankan secara dalam talian sehingga diberitahu kelak. Sila berhubung dengan Unit Akademik Fakulti, pensyarah kursus atau penasihat akademik dan kerjaya (PAK) untuk sebarang kemusykilan.
4. Bagi pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) yang berada di kampus dibenarkan untuk kekal bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.
5. Pelajar yang telah hadir/berada di kampus akan dibantu penempatannya dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Sekiranya pelajar mempunyai sebarang kemusykilan berhubung aspek penginapan, sila berhubung dengan Pengetua kolej kediaman masing-masing.

UTHM amat prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf dan semua pihak yang terlibat. Justeru itu, pihak universiti juga memerlukan keprihatinan dan kepekaan semua pihak dalam menghadapi situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 ini.

2 Oktober 2020

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)